

04 JUL 1996  
Mahathir-Pelajaran  
PENUBUHAN KOLEJ SWASTA UNTUK JIMAT BELANJA

IPOH, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bersetuju membenarkan kolej dan universiti milik swasta ditubuhkan di negara ini bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat tempatan melanjutkan pelajaran dalam masa yang sama dapat membantu kerajaan mengurangkan aliran wang negara ke luar negara.

Katanya, hasrat kerajaan ini disambut baik oleh pihak swasta yang nampak ingin mendirikan pusat pengajian tinggi dengan kerjasama institusi pengajian asing.

Ketika berucap merasmikan perletakan batu asas projek Kolej Perubatan Asean-Sheffield di sini hari ini, beliau berkata kemudahan yang disediakan swasta itu boleh membantu mengurangkan perbelanjaan keluar negara dan meningkatkan peluang rakyat tempatan melanjutkan pelajaran.

Katanya, kerjasama antara syarikat tempatan dan institusi negara asing dapat menentukan taraf pembelajaran sama diakui di universiti luar negara.

Dr Mahathir berkata penghantaran pelajar Malaysia ke luar negara mengakibatkan pengaliran wang ke luar negara dan ia memberi kesan kepada ekonomi negara.

Katanya, rakyat Malaysia tahu menilai pelajaran malah ramai yang sanggup berbelanja banyak untuk anak mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara khususnya dalam pelajaran profesional.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedar masih ramai yang tidak mampu untuk menghantar anak-anak ke luar negara disebabkan kos yang tinggi.

Atas kesedaran ini, kerajaan menggalakkan swasta tempatan menubuhkan kolej untuk menambah peluang kepada anak tempatan melanjutkan pelajaran.

Dr Mahathir berkata jalinan hubungan dan kerjasama antara pihak yang melaksanakan projek pengajian tinggi swasta teramsuk seperti Asean-Sheffield ini akan memberi manafaat kepada negara, pelajar dan ibu bapa.

Yang hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Projek Kolej Perubatan Asean-Sheffield akan dibina di kawasan seluas 2.4 hektar dan dijangka siap pada 1998. Ia akan dibina oleh syarikat Suci Teguh Sdn Bhd yang dimiliki oleh Suci Teguh Holdings Sdn Bhd (80 peratus) dan University of Sheffield (20 peratus).

Pemegang saham Suci Teguh Holdings Sdn Bhd ialah Yayasan Perak, VXL Holdings Sdn Bhd, Paramount Corporation Bhd dan Gopeng Bhd.

Ramli dalam ucapannya berkata kerajaan negeri bersetuju memberikan pinjaman mudah bernilai RM5 juta yang akan disalurkan melalui Yayasan Perak untuk membantu aliran kewangan syarikat.

Pengarah Suci Teguh Sdn Bhd, Encik Lim Chee Wah berkata kolej ini mengamalkan konsep "kembar timbal-balik" di mana pelajar perlu mengikuti pengajian pra-klinikal untuk tempoh dua tahun di Sheffield dan tiga tahun di kampus kolej di sini sebelum menerima ijazah Sarjana Perubatan dan ijazah Sarjana Pembedahan.

Katanya, kolej ini telah menerima kemasukan pertama 30 pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke University of Sheffield dan mereka akan kembali ke sini untuk menyambung pelajaran pada 1998.

University of Sheffield adalah salah sebuah institusi pengajian tinggi yang tertua dan terkenal di Britain dan pendapatannya sebanyak RM640 juta (160 juta paun).

-- BERNAMA  
ARA AHH